

22 JAN 1997

MEC BERHASRAT KUASAI 90 PERATUS PASARAN PERIUK NASI MENERUSI PUTERI

PETALING JAYA, 22 Jan (Bernama) -- MEC Sales and Services Sdn Bhd, bahagian pemasaran Malaysia Electric Corporation (MEC), mensasarkan untuk menguasai 90 peratus pembahagian pasaran periuk nasi di Malaysia menerusi keluarannya yang dikenali sebagai "MEC Puteri" tahun ini.

Pengurus pemasaran bagi barangan pengguna syarikat itu, J.E. Ng berkata sasaran yang optimis itu adalah berdasarkan kepada 25,000 hingga 30,000 unit jualan yang dijangkakan bagi Puteri pada tahun ini.

Bercakap di majlis taklimat media mengenai produk berkenaan di sini hari ini, beliau berkata dari segi pasaran periuk nasi tertutup, syarikat itu menjangka menguasai kira-kira lima hingga 10 peratus pembahagian pasaran tempatan.

Pesaing-pesaing syarikat itu bagi produk seumpama itu di dalam negeri ialah syarikat Jepun.

Puteri buatan tempatan dihasilkan pada kos RM8 juta yang dilaburkan dalam jentera dan kelengkapan di kilang MEC di Balakong, Selangor.

Ng berkata MEC Sales and Services berharap mengeksport produk itu ke beberapa negara Asean tahun ini termasuk Thailand, Indonesia, Kemboja, Myanmar, Laos dan Vietnam, di mana nasi menjadi makanan harian penduduknya.

Puteri adalah antara produk awal yang dijual oleh syarikat itu menerusi 200 wakil penjual di seluruh negara dan menjelang Mac tahun ini, 200 lagi wakil penjual akan dilantik.

Setakat ini, MEC Sales and Services mempunyai lima pusat perkhidmatan dan 50 pusat perkhidmatan wakil penjual.

Harga runcit periuk nasi Puteri disyorkan antara RM249 dan RM339 bergantung pada modelnya.

MEC, anak syarikat KLIH (Kuala Lumpur Industry Holdings Bhd) adalah syarikat yang terbabit dalam projek kebangsaan menghasilkan alat elektrik dan barangan isi rumah di bawah jenama Malaysia.

MEC diilhamkan oleh perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha negara bergerak maju mencapai wawasan 2020. -- BERNAMA

AD MA/sia